

18 FEB 1998

LTdL-lepas

EXCO KEDAH LEPASKAN LE TOUR DE LANGKAWI HARI INI

LANGKAWI, 18 Feb (Bernama) -- Pengerusi Pembangunan Sukan dan pelancongan Kedah Abdul Rahman Ariffin hari ini melepaskan lumba basikal berprestij -- Le Tour de Langkawi -- di kelab Golf Teluk Datai di sini.

Juara basikal Malaysia M.Kumaresan membuat permulaan di tempat kedua selepas diberi lampu hijau.

Perlumbaan ini telah menarik peserta-peserta kelas dunia dan lebih banyak negara dari mana-mana acara serupa selain dari kejohanan dunia dan Sukan Olimpik.

Ia adalah acara kebangsaan yang disokong oleh kerajaan Malaysia dan dibiayai oleh sektor swasta.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi penaung perlumbaan itu, hadir untuk mengucapkan selamat datang kepada para peserta di sebuah hotel terkemuka di sini dengan menyatakan harapan para pelumba akan memberikan persembahan cemerlang dengan mencatatkan rekod-rekod baru walaupun dalam keadaan cuaca yang paling panas.

Seramai 150 pelumba dari 24 pasukan menyertai edisi ketiga LTdL ini yang menawarkan hadiah wang tunai RM1.5 juta kepada para pemenang, yang terbesar di Asia dan antara tiga yang teratas di dunia.

Pasukan-pasukan itu termasuk Malaysia A dan B, Mapei-Bricobi dari Itali, TVM dari Belanda, Scrigno-Gaerne dari of Itali, Port Swiss dari Switzerland, MROZ dari Poland, Saturn dari Amerika Syarikat, Tuul Tunturi dari Finland, Agro Adler Brandenburg dari Jerman, Lada Cska Samara dari Rusia dan Oilme-Klein dari Amerika Syarikat.

Yang lainnya ialah dari Britain, New Zealand, Afrika Selatan, Denmark, Ireland, Filipina, China, Australia, Slovakia, Indonesia, Kanada dan Kazakhstan.

Malaysia mengketengahkan Kumaresan, Tsen Seong Hoong, Nor Effandy Rosli, Shahrulneeza Mohd Razali, Mohd Mahazir Hamad dan Syed Mohd Hussaini Syed Mazlan dalam pasukan elit manakala Malaysia B mengandungi Hardi Razali, Faizul Izuan Rahman, Wong Ah Tiam, Musairi Musa, Lee Robert dan Chun Chee Wai.

Penjelajahan bermula hari ini dengan uji masa individu sebelum diteruskan dari Kangar-Pulau Pinang, Grik-Kota Baharu, Kota Baharu-Kuala Terengganu, Kuala Terengganu-Kuantan, Kuantan-Mersing, Johor Baharu-Muar, Melaka-Port Dickson, Port Dickson-Shah Alam, Sabak Bernam-Ipoh, Tanjung Malim-Genting Highlands dan Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

NH WAT